

28/11/1999

Reformasi Diri Poe kempen pilihan raya

ORANG lain sibuk berkempen dalam pilihan raya umum 1999, Poe pun turut sibuk. Dia menjaja kaset dan cakera padat terbarunya, Reformasi Diri. Harganya tidak mahal hanya RM7 (kaset) dan RM9 (CD).

Cara dia menjual agak lain dengan mencari penaja, terutama parti politik, badan korporat dan perniagaan yang sanggup membeli album itu secara borong dan menghadiahkannya semula secara percuma kepada rakyat.

"Saya ada pendirian sendiri dan mahu berterus terang saya menyokong, mahu membantu Barisan Nasional (BN), khususnya Umno mencapai kejayaan dalam pilihan raya kali ini," kata Poe.

Sebab itulah pengisian album ini lebih kepada hasrat dan matlamat yang mahu dicapai oleh pemerintah.

"Album ini tidak menjemukan kerana ia berbentuk ceria dan sesuai untuk semua orang, sama ada dia sokong BN atau sebaliknya," kata Poe atau nama sebenarnya, Mohd Fauzi Ahmad.

Dia menyelitkan lagu loghat Kelantan, Jange Tok Kene yang mengingatkan jasa kerajaan dalam melahirkan cendekiawan.

Sebagai anak Seri Menanti, dia menyanyikan lagu loghat Negeri Sembilan, Golo Deh Eh mengenai tindakan melulu yang dibuat tanpa mengambil kira pandangan orang lain boleh menghancurkan masa depan.

"Jauhilah sifat negatif yang tidak membawa apa erti, ini bukan amalan dan adat resam bangsa kita," kata Poe.

Mengenai lagu Reformasi Diri, dia berkata: "Ia bukan reformasi jalanan yang tidak demokratik, tetapi reformasi diri yang selalu disebut oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

(END)